



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
10 MEI 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Segerakan dialog MPAJ, penduduk

12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 10 MEI 2017 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Segerakan dialog MPAJ, penduduk
Muka Surat	12

Ms.12 Rabu, 10 Mei 2017 BH

→ HALAMAN KOTA

ADUAN PEMBACA
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my

(FOTO ASWADI ALIAS/BH)

Kedadaan jalan sedia ada sudah sesak teruk, mahu ditambah pula dengan kenderaan dari projek pangsapuri itu"
Ho Kok Theam,
Penduduk

Laluan pintas ke sebuah kondominium yang didakwa akan menambahkan kesesakan dan risiko bahaya kepada penduduk Taman Ukay Bestari terutama keselamatan kanak-kanak.

JALAN SAMBUNG TAMBAH KESEKAKAN

Segerakan dialog MPAJ, penduduk

Langkah selesai kemulut pembinaan laluan baharu menghubungkan projek pangsapuri dengan Taman Ukay Bistari

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Farkhan Abdul Ghapar
bhnews@bh.com.my
Kuala Lumpur

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) diminta mengadakan dialog bersama penduduk bagi menyelesaikan kemulut pembinaan laluan baharu menghubungkan sebuah projek pangsapuri dengan Taman Ukay Bistari, Hulu Klang, dekat sini.

Ahli Majlis MPAJ, Hassan Yusof, berkata sesi dialog itu perlu diadakan segera supaya kedua-dua pihak, membabitkan penduduk dan pemaju projek berkenaan dapat mencari jalan penyelesaian secepat mungkin.

"Difahamkan hanya sekumpulan kecil yang membantah pembinaan laluan berkenaan. Bagaimanapun MPAJ memahartih keluhan penduduk dan berharap jalan penyelesaian dapat dicari demi memuaskan hati semua pihak.

"Justeru, MPAJ diharap dapat menganjurkan sesi dialog bersama penduduk membabitkan jabatan berkaitan dan pemaju projek supaya mereka dapat diberi penerangan dan penjelasan berhubung pembinaan laluan itu," katanya kepada BH.

Timbulkan banyak masalah
Halaman Kota kelmarin melaporkan tindakan pemaju pangsapuri bersebelahan Taman Ukay Bistari membina laluan menghubungkan projek berkenaan dengan kawasan perumahan itu yang menimbulkan rasa tidak senang penduduk kerana bimbang akan menambah kesesakan di kawasan terabit.

Penduduk mendakwa, pembinaan jalan berkenaan akan membuatkan Jalan Ubza di kawasan perumahan itu menjadi laluan utama yang akan mendatangkan banyak masalah kepada penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Hassan berkata, beliau difahamkan pembinaan laluan berkenaan mengikut prosedur ditetapkan kerana setiap projek pembangunan memerlukan akses laluan keluar masuk.

"Sebelum ini memang ada dialog antara penduduk bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib, tetapi tidak membabitkan jabatan berkaitan di bawah MPAJ," katanya.

Beliau berkata, tindakan kumpulan terabit membina tembok setinggi dua meter bagi menghalang pemaju daripada meneruskan kerja menambak cerun dan pembinaan jalan berkenaan adalah salah.

"Gunakan saluran yang betul untuk membuat bantahan serta aduan kerana tindakan mereka (membina tembok halangan) adalah salah. Saya berharap perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin," katanya.

Sementara itu penduduk Ukay Bistari, Ho Kok Theam, berkata pembinaan jalan berkenaan menyebabkan jalan di kawasan perumahan berkenaan menjadi bertambah sesak.

"Keadaan jalan sedia ada sudah sesak teruk mahu ditambah pula dengan kenderaan dari projek pangsapuri itu.

"Setiap hari, jalan di sini mulai sesak sekitar jam 6:30 pagi kerana bilangan penduduk yang sedia ramai, malah saya sendiri sukar untuk keluar rumah apabila kenderaan mula sesak di sepanjang jalan di hadapan rumah kami," katanya.

Penduduk, Foo Wei Peng, 45, berkata beliau bimbang apabila jalan berkenaan siap dibina dan boleh digunakan, ia akan mengugut keselamatan kanak-kanak di situ.

"Jika jalan ini menjadi laluan utama, sudah tentu ia akan dipenuhi kenderaan yang keluar masuk dari pangsapuri itu.

"Perkara ini akan membahayakan nyawa kanak-kanak yang bermain di hadapan rumah dan mengundang berlakunya kemalangan," katanya.

Ramli Ramli, 53, antara penduduk terawal yang menetap di taman itu, berkata beliau sedang berkerja-kira untuk berpindah ke kawasan baharu jika projek pembinaan jalan berkenaan diteruskan.

"Jika projek itu tetap diteruskan, semestinya ia akan mengakibatkan kesesakan teruk dan dipenuhi dengan kenderaan. Demi keselamatan dan keselamatan keluarga, saya lebih rela berpindah ke kawasan baharu," katanya.